

► Mendengar dan Bertutur

Anda berminat untuk membeli satu daripada barangan antik di bawah ini. Lengkapkan dialog dan lakonkan perundingan jual beli barang dengan rakan anda. **SP 1.7.2**


Koleksi Barangan Antik
 Alor Setar • Akaun Sah

5.0 ★
 66 ulasan

Sangat Responsif

11 tahun menyat

Ikuti

221 Pengikut • 7 Mengikuti

Senarai Ulasan

Senarai

Senarai carian...

Tapisan

			
Hiasan Dinding Antik (2 item) RM900 3	Hiasan Tembaga Antik 1.65 Meter RM250 3	Ashtray Tembaga dan Lighter RM130 7	Beduk Kayu RM980 3

Anda: Selamat sejahtera, Tuan Faizul. Saya telah melihat iklan jualan koleksi barangan antik milik tuan. Saya berminat untuk membeli

(1) _____. Berapakah harganya?

Penjual: Selamat sejahtera. Sekiranya kamu berminat untuk membelinya, saya jual dengan harga (2) _____.

Anda: Harganya mahal juga. Saya faham bahawa barangan ini merupakan (3) _____.

_____. Namun, saya berharap agar (4) _____.

Penjual: Saya boleh menurunkan harganya jika kamu benar-benar bormuat untuk membelinya. Saya jual dengan harga (5) _____.

Anda: Baiklah, saya bersetuju dengan (6) _____.

Penjual: Terima kasih.

Anda: Sama-sama.

📖 Kamus Mini

1. perundingan – perbuatan berunding, pembicaraan, permesyuaratan, atau perembukan
2. koleksi – kumpulan barang yang telah dikumpulkan
3. antik – barang-barang seperti perabot, pinggan mangkuk, atau hasil seni lain yang dihasilkan pada zaman lampau dan tinggi nilainya kerana kecantikannya, mutu hasil kerjanya, dan umurnya

📖 Info Ekstra

Teknik untuk Berunding tentang Sesuatu Perkara

- Berkomunikasi secara terang dan tepat
- Bertutur secara sopan dan ramah
- Bertikiran terbuka untuk menerima cadangan orang lain
- Untuk perundingan jual beli barang, kemukakanlah tawaran yang wajar dan alasan yang munasabah semasa proses tawar-menawar
- Mengutamakan kepentingan semua pihak